



PUAN NURUL SYAMSHIDA BINTI MOKHTAR

UCAPAN KETUA PROGRAM DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM (DIB)

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Web Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) dan Jabatan Perdagangan (JP) kerana memberi saya peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata di ruangan ini.

Alhamdulillah, program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) yang telah bertapak di PSIS sejak Jun 2009 semakin mengorak langkah ke hadapan dalam melaksanakan peranan untuk melahirkan graduan yang kompeten, berinovasi, berdaya saing, bercirikan usahawan dan berakhlak mulia selari dengan misi Politeknik. Program ini ditawarkan bagi memperkenalkan kepada pelajar tentang Perbankan Islam serta Sistem Kewangan yang mana mendedahkan terhadap kemahiran, ilmu, pengetahuan bersesuaian dalam kursus yang ditawarkan seperti *Fiqh Muamalat, Takaful, Macroeconomics, Islamic Capital Market, Islamic Accounting* dan pelbagai lagi.

Malah, saya percaya dengan adanya para pensyarah yang komited serta berkemahiran luas dalam bidang, program ini mampu melahirkan graduan yang memenuhi permintaan pasaran masa kini. Ini kerana selain daripada proses pengajaran dan pembelajaran, para pelajar turut didedahkan dengan aktiviti luar bilik kuliah serta aktiviti pementapan kepimpinan pelajar.

Langkah demi langkah harus diatur oleh para pelajar agar kejayaan digenggam di akhir pembelajaran. Pendek kata, usaha pensyarah perlu disulami kegigihan para pelajar untuk berjaya.

Akhir kata dari saya, kecemerlangan tidak akan datang tanpa usaha, kerjasama dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Para pensyarah juga perlu menjadi contoh yang baik kepada para pelajar menyedari hakikat bahawa remaja hari ini adalah tonggak kejayaan negara pada masa hadapan. Semoga para pelajar sentiasa berusaha memperbaiki diri dan mensasarkan kejayaan yang cemerlang sepanjang pengajian di PSIS, juga di luar PSIS kelak.

NURUL SYAMSHIDA BINTI MOKHTAR

Ketua Program

Diploma Kewangan dan Perbankan Islam

Politeknik Sultan Idris Shah